

Biografi Tokoh Sejarahwan Kedah Dato' Dr. Haji Wan Shamsudin Mohd Yusof

¹Haslinda Hasan; ²Mohd. Yusfadzillah Mohd. Yusoff

Universiti Utara Malaysia^{1,2}

Address: 06010 Sintok Kedah Darul Aman, Malaysia +604928 5707/+604928 5709

Corresponding author

haslynda@uum.edu.my¹

Abstrak: Apabila bertukar agama, perubahan pandangan semesta adalah perkara paling mendasar yang dialami oleh seseorang individu atau sesebuah masyarakat. Pandangan semesta ini sangat berpengaruh dalam membentuk personaliti dan tingkah laku mereka. Perhatian diberikan pada agama Islam adalah berdasarkan kesannya yang begitu signifikan dalam banyak lapangan kehidupan orang Melayu. Islam merupakan sumber nilai utama bagi kebudayaan Melayu berdasarkan pengaruhnya dalam kehidupan mereka pada masa lalu, ketika ini dan masa akan datang. Justeru, artikel ini cuba menilai implikasi hubungan antara masyarakat Melayu yang beragama Islam dengan pencapaian ekonomi mereka khususnya dalam bidang keusahawanan. Kajian berdasarkan perspektif sejarah ini mendapati, budaya orientasi agama yang dianuti ini telah memberikan kesan yang signifikan dalam pencapaian ekonomi mereka khususnya dalam bidang keusahawanan.

Kata Kunci: Melayu Islam, Penilaian Implikasi, Budaya Keusahawanan

Pengenalan

Nilai dan falsafah hidup seseorang mempunyai hubungan rapat dengan sikap dan cara pekerjaannya. Pandangan semesta (worldview) sesuatu bangsa terhadap alam semesta biasanya dipengaruhi oleh agama atau budaya yang dianuti ketika mereka melihat, mendekati dan berinteraksi dengan segala sesuatu dalam kehidupannya. Dalam erti kata lain, apabila seseorang itu bertukar agama, maka perubahan paling mendasar yang dialaminya ialah perubahan pandangan semesta. Melayu dari sudut maknawi yang bersifat ilmiah, perundangan dan sejarah adalah beragama Islam, berbahasa Melayu dan beradat resam Melayu. Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Perkara 160 (2) memperuntukkan bahawa orang Melayu adalah:

"Seseorang yang menganuti agama Islam, lazimnya bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu dan lahir sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau di Singapura, atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura, atau pada hari Merdeka itu, ia adalah berdomisil di Persekutuan atau di Singapura: atau dia adalah keturunan seseorang yang tersebut"

Dalam tiga faktor tersebut, faktor agama adalah

yang paling dominan kerana ia telah, masih dan akan terus relevan dalam memberikan jati diri dan makna hidup kepada umat Islam yang berbahasa Melayu. Fokus terhadap implikasi Islam terhadap budaya keusahawanan Melayu dalam penulisan ini berdasarkan kepada kesan agama yang signifikan dalam mempengaruhi pemikiran, tingkah laku dan orientasi sesebuah masyarakat.

Ulasan Karya

Secara umumnya, perkembangan pandangan semesta masyarakat Melayu boleh diklasifikasikan kepada tiga fasa utama iaitu zaman animisme, Hindu-Buddha serta Islam. Fasa pertama ketika zaman animisme, kepercayaan lebih berbentuk primitif dan kabur. Masyarakat ketika ini mempercayai bahawa setiap benda mempunyai jiwa, roh atau semangat yang tersendiri yang berupaya mempengaruhi kesan kepada manusia sama ada baik atau tidak baik. Fasa kedua ketika zaman Hindu-Buddha kepercayaan primitif telah mula bertukar kepada kepercayaan berbentuk panteistik. Namun, penyebaran agama ini hanya berlegar dalam kalangan masyarakat Melayu atasan sahaja manakala masyarakat kebanyakan kekal dengan kepercayaan lama. Kedatangan agama ini tidak berjaya mengubah pandangan semesta masyarakat Melayu secara keseluruhan. Situasi tersebut berbeza pada fasa ketiga di mana kedatangan Islam ke wilayah

Nusantara semenjak kurun IH (sekitar kurun 7-8M) berjaya mengubah pandangan semesta orang Melayu secara holistik dan konsisten. Kepercayaan berbentuk animisme dan konsep dewa-dewi telah bertukar sepenuhnya kepada beriman dengan Allah sebagai Tuhan Yang Maha Esa. Manusia pula berperanan sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T di atas muka bumi. Dualistik peranan tersebut bergerak secara seimbang dan konsisten tanpa mengira masa atau tempat. Sebagai khalifah (surah al-Baqarah (2):30) manusia berhak menggunakan kekuatan akal dan fizikalnya untuk membangun dan memajukan alam semaksima mungkin. Sebagai hamba (surah al-Dhariyat (51):56), kebebasan bertindak adalah terhad dan tertakluk kepada sempadan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Melalui syariatnya, Islam menekankan konsep hubungan menegak dengan Allah S.W.T dan hubungan mendatar sesama manusia serta alam. Pembangunan sosio-ekonomi dan spiritual masyarakat yang bergerak secara bersepadu bagi memastikan kehidupan manusia sentiasa berada dan menuju ke arah landasan yang betul.

Dalam erti kata lain, kedatangan Islam telah membawa suatu transformasi kepercayaan dan cara hidup yang dinamik dalam pandangan semesta serta tingkah laku masyarakat Melayu sehingga terbentuk suatu kebudayaan yang berteraskan Islam dalam seluruh aspek kehidupan. Usaha-usaha pembangunan bukan sahaja dibenarkan dalam Islam, malahan terdapat pelbagai galakan yang kuat supaya mengeksploitasi pelbagai sumber sebagai usaha membasmi kemiskinan dan meningkatkan pendapatan dan kekayaan. Kegiatan ekonomi juga adalah suatu kepentingan bagi agama memandangkan kerohanian Islam tidak akan wujud dengan sempurna tanpa diiringi dengan tindakan ekonomi (al-Faruqi, 1992). Tanpa kekuatan ekonomi, umat Islam akan pincang dan akan dipinggirkan daripada arus pembangunan semasa. Situasi tersebut sudah pastinya bercanggah dengan kesyumulan syariat Islam yang datang bukan hanya untuk sementara waktu, tetapi kesesuaiannya merentasi segala zaman dan segala musim sehingga berakhirnya bumi ini.

Namun, terdapat juga pandangan negatif sebahagian sarjana Barat yang mengaitkan Islam dengan orang Melayu khususnya dalam aspek pembangunan ekonomi khususnya ketika zaman kolonialisme British di Tanah Melayu. Tujuannya adalah sebagai satu justifikasi bahawa masyarakat tempatan khususnya orang Melayu mundur dan memerlukan 'pencerahan Barat' untuk mencapai kemajuan. Antaranya, Winstedt (1961) dalam *The Malays: A Cultural History* telah mengandaikan bahawa kemajuan intelektual orang Melayu terhalang oleh pengaruh agama Islam yang menurutnya bersifat menekankan fatalisme (takdir)

dan tidak menggalakkan pemikiran rasional atau saintifik. Menurut beliau lagi, pengaruh agama dan adat yang kuat menyebabkan masyarakat Melayu sukar mengejar kemajuan moden kerana kedua-dua sumber tersebut kurang sesuai untuk pembangunan moden. Frank Swettenham dalam *A Nocturne and Other Malayan Stories and Sketches* menggambarkan orang Melayu sebagai pemalas, tidak bercita-cita tinggi dan berpuas hati dengan kehidupan sederhana. Beliau mengandaikan bahawa sebahagian daripada stereotaip ini dikaitkan dengan nilai-nilai agama yang mereka anuti. Ketakutan menandakan kegagalan dalam dorongan kemajuan dan kemahuan perubahan. Hugh Clifford dalam *In Court & Kampong: Being Tales & Sketches of Native Life in the Malay Peninsula* turut menggambarkan orang Melayu sebagai sentimental dan tidak berdaya saing, Alasan yang diberikan oleh beliau juga bahawa agama dan budaya tradisional merupakan faktor yang menghalang kemajuan.

Stereotaip negatif tersebut diteruskan oleh Geertz (1965) ketika membincangkan konsep "fatalisme", beliau telah mengaitkan masyarakat Islam sebagai kurang memiliki keinginan pencapaian. Begitu juga Parkinson (1975) yang mengaitkan ketidaktrampilan ekonomi orang Melayu berpunca daripada beberapa faktor bukan ekonomi di mana Islam adalah faktor dominan. Hipotesis beliau, ajaran Islam mengandungi unsur yang tidak menggalakkan ikhtiar hidup bangsa ini akibat daripada penjiwaan kepada konsep fatalisme. Menurutnya, fatalisme adalah sikap yang terjelma hasil daripada mempercayai bahawa "segalanya daripada Tuhan". Apabila segalanya telah ditentukan oleh Tuhan, maka manusia tidak lebih daripada pelaku kaku, prakarsa sudah tidak relevan lagi. Hipotesis tersebut turut disokong oleh Sutcliffe (1975) yang beranggapan bahawa berdasarkan ayat al-Quran dalam surah al-Ahzab (33):36, tiada peruntukan kebebasan dalam Islam sedangkan kedua-dua elemen penting sebagai mekanisme pembangunan ekonomi khususnya keusahawanan sepertimana yang telah disarankan oleh Weber (1905) dalam *The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism*. Ahmet T. Kuru (2019) meskipun tidak mengaitkan Masyarakat Melayu secara khusus, tetapi beliau mengandaikan bahawa aspek agama dan institusi keagamaan boleh menjadi salah satu faktor dalam perkembangan yang terbantut selain faktor budaya atau politik. Apabila institusi keagamaan terlalu rapat dengan kuasa negara akan menghalang pembaharuan atau kreativiti.

Justeru, penulisan ini akan menganalisis adakah kedatangan Islam turut membawa bersama implikasi yang tidak baik terhadap pembangunan ekonomi orang Melayu khususnya dalam bidang keusahawanan?.

Metodologi

Memandangkan Syariat Islam merupakan satu konsep yang sangat luas, skop kajian ini terbatas kepada pemahaman dan tingkah laku dalam pembangunan ekonomi sahaja khususnya dalam bidang keusahawanan. Rekabentuk kajian ini berbentuk kualitatif. Data-data hasil kajian kepustakaan dianalisis menggunakan analisis kandungan untuk mengenal pasti tema, konsep dan makna yang menjadi fokus dalam kajian ini.

Analisis dan Perbincangan

Berdasarkan teori dan fakta empirikal, orang Melayu ketika itu secara relatifnya lebih mundur daripada masyarakat Barat dan masyarakat Cina dalam aspek kebendaan. Justeru, perlu dicari sebab-sebab yang mengakibatkan orang Melayu bersikap demikian. Secara psikologi, 'sikap' tidak timbul daripada kekosongan tetapi ia diterbitkan oleh sesuatu keadaan tertentu (cause and effect). Dalam erti kata lain, pasti ada sebab musabab yang menyebabkan timbulnya sikap positif mahupun negatif tersebut. Sebenarnya, kemunduran yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu adalah disebabkan oleh proses sejarah penjajahan yang panjang secara bersilih ganti oleh kuasa Barat.

Keadaan sosio ekonomi ketika ini adalah berbeza dengan sistem budaya Melayu pada abad ke 15 yang didokong oleh pelbagai prasarana perdagangan yang dikuasai oleh masyarakat Melayu secara bebas. Para sarjana telah merumuskan bahawa teras pembinaan tamadun Melayu silam dengan ungkapan "keraton-pasar-pesantren". Ketiga-tiga istilah ini jelas menggambarkan tonggak tamadun Melayu ialah kuasa politik-ekonomi perdagangan-tradisi keilmuan keagamaan (Siddiq Fadzil et al., 2005). Abd. Latif Abu Bakar (1996) mengatakan, perdagangan mahupun kaedah perdagangan diplomasi Melaka bersendikan agama Islam, Bahasa Melayu, tulisan jawi dan perkahwinan diraja yang juga merupakan tali temali yang memperteguhkan ukhwa dan ikatan serumpun. Melaka bertambah makmur sewaktu agama Islam sedang tersebar luas di Alam Melayu sehingga menarik minat ramai pedagang asing yang hendak bermastautin dan seterusnya penjajah-penjajah yang hendak memerintah. Justeru, tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa kejayaan bangsa Melayu dalam bidang ekonomi dan perniagaan bermula dengan keberkesanan pelaksanaan sistem ekonomi Islam dalam bentuknya yang tersendiri pada abad ke 15. Kedatangan kaum kolonial dengan rakus telah merentap kegemilangan tersebut dengan merangka dasar serta mempraktikkan tekanan struktural terhadap

anak tempatan. Dalam masa yang sama, kekurangan infrastruktur kesihatan, pendidikan dan pelbagai kemudahan asas menyebabkan berlakunya kehancuran budaya, sikap mental, kehilangan identiti, harga diri dan kurang semangat sehingga berlakunya kemunduran dalam masyarakat.

Sebenarnya, apa yang berlaku adalah rentetan daripada sejarah pertembungan panjang antara orang Islam dan Kristian Barat dalam Perang Salib sehingga melahirkan kebencian Barat terhadap Islam. Syed Naquib al-Attas (1972) menjelaskan, seolah-olah terdapat satu ketetapan terhadap Islam bahawa agama ini tidak sebarang membawa perubahan atau tamadun yang lebih baik daripada apa yang sudah ada di alam Melayu. Pemikiran para sarjana Barat sememangnya berkecenderungan untuk memperkecilkan peranan Islam dalam sejarah Kepulauan Melayu. Dalam masa yang sama, intelektual Barat yang fanatik sentiasa berusaha untuk menjatuhkan imej Islam. Elemen kebencian inilah yang sering mendasari penyelidikan mereka terhadap Islam dengan mengemukakan pelbagai tesis yang mengelirukan. Pandangan prejudis tersebut mencerminkan sikap kolonial dan orientalis Barat yang sentiasa melihat Islam sebagai penghalang kepada kemodenan. Tindakan tersebut juga sebagai satu usaha untuk menjustifikasikan penjajahan adalah wajar kerana Masyarakat Barat perlu memodenkan masyarakat Timur.

Mohd Fauzi Hamat (2004) menjelaskan, satu hakikat yang perlu diterima bahawa pengajian akidah bukan sahaja telah berjaya mewaraskan pemikiran orang Melayu di zaman silam, tetapi juga telah berjaya membangunkan minda mereka agar mereka berpandangan jauh, berfikir kritis, rasional, rasional dan saintifik dalam erti kata yang sebenarnya. Pandangan mereka bukan sahaja terikat dengan alam inderawi, tetapi juga menjangkau alam ukhrawi yang menjadi destinasi akhir setiap insan bergelar Mukmin. Muhammad Uthman El-Muhammady (1976) pula mengatakan, perkembangan dan kemantapan Islam di rantau ini tidak dihasilkan semata-mata kerana sikap pak turut orang-orang Melayu, tetapi berkat usaha gigih dan bijaksana para da'ie yang komited, para da'ie yang terdiri daripada kalangan pedagang, mubaligh, ulama, kaum sufi, raja dan bala tentera di samping kekuatan ajaran Islam sendiri yang dapat mendorong orang Melayu menerimanya dengan baik. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972) merumuskan, kedatangan Islam menandakan permulaan suatu zaman baru dalam perabadan sejarah Melayu. Beliau mengibaratkan kedatangan Islam ke alam Melayu sebagai ayam jantan yang berkokok mengejutkan bangsa Melayu dari tidur dan menyedarkan mereka kegelapan malam sudah berakhir; kini hari sudah siang, masa untuk bekerja dan memulakan kehidupan.

Bagi menjawab andaian yang membentuk stereotaip negatif terhadap Islam tersebut, sarjana Islam seperti Abulhasan Muhammad Sadeq (2006) menyatakan, pelbagai andaian tersebut tidak dapat disokong oleh bukti yang kukuh memandangkan para pengkaji tersebut lebih cenderung mengaplikasikan bentuk tingkah laku ekonomi mereka yang sudah pastinya berbeza dengan nilai-nilai Islam. Bagi menjawab hujah Sutcliffe, untuk memahami maksud sebenar dalam konteks ayat al-Quran tersebut (surah al-Ahzab (33):36), seseorang itu mestilah mempunyai kefahaman yang jelas tentang Islam sebagai cara hidup melalui syariatnya. Dalam konteks perintah dalam keseluruhan hidup manusia, perbuatan setiap mukallaf akan berada dalam lingkungan perintah wajib, sunat, haram, makruh dan harus. Asas perintah tersebut yang akan membentuk norma dan nilai yang diperlukan untuk pembangunan ekonomi secara menyeluruh merangkumi aspek kuantiti dan kualitatif. Pendekatan ini adalah sebagai mekanisme bagi menjamin kestabilan dan keutuhan perjalanan ekonomi selari dengan konsep pembangunan ekonomi Islam yang bersifat beban nilai dengan menjadikan kebajikan manusia sebagai objektif utamanya. Pembangunan ekonomi dan harta bukan sebagai matlamat utama. Sebaliknya, ia hanyalah sekadar penolong kepada manusia untuk berkhidmat kepada akidah dan syariatnya, sebahagian daripada fitrah dan keperluan manusia untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka serta sebagai wasilah mendekatkan diri kepada Pemilik seluruh alam iaitu Allah S.W.T.

Clifford Geertz (1968) yang mengkaji Islam di Indonesia dan Maghribi mendapati syariat Islam boleh disesuaikan dengan konteks tempatan dan tidak semestinya menghalang pembangunan. Walaupun kajian beliau bukan khusus mengenai Masyarakat Melayu, namun dapatan tersebut menunjukkan bahawa Syariat Islam yang bersifat tetap dan anjal sesuai untuk dianuti dan membangunkan Pembangunan sosio-ekonomi seluruh manusia. Begitu juga William R. Roff (1967) Ketika membincangkan mengenai kebangkitan nasionalisme Melayu beliau menolak pandangan bahawa Islam menghalang kemajuan. Sebaliknya, Islam menjadi asas kesedaran politik dan sosial Melayu moden yang banyak dipengaruhi oleh pendidikan Islam dan institusi agama seperti madrasah dan Kaum Muda. Syed Hussein Alatas (1989) menyatakan stereotaip negatif masyarakat Melayu malas atau mundur kerana Islam dicipta dan dijaja oleh penjajah untuk menjustifikasikan penjajahan ekonomi dan politik. Beliau menekankan bahawa faktor kemunduran Melayu adalah berpunca daripada struktur kolonial yang menindas, bukan agama yang mereka anuti. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978) menjelaskan, Islam

menekankan kemajuan yang sebenar dengan berasaskan adab dan ilmu yang berpaksikan tauhid, bukan sekularisme Barat. Konsep “Islamisasi ilmu” adalah mekanisme terbaik sebagai jalan untuk kemajuan yang seimbang antara kehidupan dunia dan akhirat. Shaharuddin Maaruf (1988) merumuskan terhadap kajian beliau mengenai bagaimana pemikiran tradisional Melayu berubah daripada zaman feodal ke zaman moden bahawa kemunduran bukan disebabkan oleh Islam, tetapi kerana sistem feodal dan struktur sosioekonomi yang tidak berubah dengan pantas.

Namun, pergerakan tingkahlaku masyarakat yang mengiringi transformasi ini tidak semestinya suatu yang bersifat revolusiner. Agama Islam sebagai akar kebudayaan Melayu juga tidak terlepas daripada proses akulturasi dan sinkristisme dengan kepercayaan-kepercayaan lama. Dalam ertikata lain, kepercayaan animisme dan Hindu-Buddha yang mempengaruhi masyarakat Melayu sebelum ini tidak berjaya dipinggirkan sepenuhnya dalam kehidupan seharian mereka. Ini kerana, masih terdapat pelbagai elemen kepercayaan lama sebelum Islam yang berbentuk seperti magis dan mistik yang masih diamalkan oleh segelintir masyarakat Melayu. Wan Abdul Kadir (2000) menjelaskan, kemunduran mereka dalam ekonomi dan pendidikan selalu dikaitkan dengan nilai-nilai tradisi yang amat kuat mengikat mereka sehingga tidak dapat mengikuti perubahan dan pembangunan. Antaranya, terlalu percayakan kepada nasib dan rezeki sehingga mereka tidak mahu berusaha dengan lebih kuat. Manakala Khalif Muammar (2007) mengaitkan watak pasrah, malas, takut dan berjiwa hamba tersebut adalah terhasil daripada kesan absolutisme. Selain itu, beberapa waktu terakhir ini, umat Islam umumnya termasuklah masyarakat Melayu kelihatan terperangkap dengan masalah jati diri yang serius. Situasi ini berlaku akibat tiada keseimbangan antara tuntutan dan kemahiran fizikal, mental dan spiritual, nilai kebendaan mengatasi kerohanian serta kekreatifan daya usaha intelek tidak dipandu oleh prinsip wahyu atau sebaliknya keutamaan dan keterlaluan nilai dan amalan kerohanian mengatasi tuntutan kebendaan dan intelek.

Rumusan

Adalah tidak tepat untuk mengaitkan kemunduran yang dihadapi oleh umat Islam umumnya dan orang Melayu khususnya dengan agama Islam yang dianuti oleh mereka. Syariat Islam merupakan sumber nilai utama bagi kebudayaan Melayu berdasarkan pengaruhnya dalam kehidupan orang Melayu. Islam melalui ajarannya telah menyediakan satu ‘cultural frame-work’ yang menggalakkan umatnya kepada kehidupan yang rasional untuk mendapatkan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Krisis dan tragedi yang menimpa umat Islam masa kini

bukan kerana kelemahan sistem Islam, tetapi disebabkan sikap mereka yang telah meninggalkan ajaran Islam dan menggantikannya dengan sistem-sistem manusiawi dari Barat atau Timur. Walaupun tetap menyatakan diri mereka sebagai Muslim, namun tingkahlaku yang dipamerkan jauh menyimpang daripada ajaran Islam. Begitu juga dalam konteks tempatan, sejauhmana orang Melayu berkeupayaan melakukan lonjakan adalah bergantung kepada kekuatan nilai-nilai dalam agama mereka dan kesungguhan mereka menghayatinya dalam pelbagai aspek kehidupan. Pembangunan semula ekonomi orang Melayu memerlukan 'social engineering' (perubahan terencana) terhadap sistem budaya dan struktur sosial mereka yang bersesuaian dengan konsep-konsep Islam kerana kebudayaan Melayu adalah bersumberkan pada Islam.

Rujukan

- Abulhasan Muhammad Sadeq. (2006). "Economic Growth in An Islamic Economy" dalam Abulhasan Muhammad Sadeq (eds.). *Development Issues in Islam*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Ahmet T. Kuru. (2019). *Islam, Authoritarianism, and Underdevelopment: A Global and Historical Comparison* (2019) diterbitkan oleh Cambridge University Press.
- Brien K. Parkinson (1975), "Non-Economic Factors in the Economic Retardation of the Rural Malays" dalam David Lim (eds.) *Readings on Malaysian Economic Development*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 40-41.
- Geertz. C. (1965). "Modernisation in a Muslim Society: The Indonesian Case", dalam Bellah, R. N. (eds.), *Religion and Progress in Modern Asia*, New York: The Free Press.
- Geertz, C. (1968). *Islam Observed*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Roff, W. R. (1967) *The Origins of Malay Nationalism*. Lumpur: University of Malaya Press.
- Shaharuddin Maaruf (1988) *Malay Ideas on Development: From Feudal Lord to Capitalis*. Petaling Jaya: SIRD.
- Siddiq Fadzil et al. (2005). *Pengurusan Dalam Islam, Menghayati Prinsip dan Nilai Qurani*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YPEIM Sdn. Bhd.
- Sutcliffe (1975), "Is Islam an Obstacle to Development? Ideal Patterns of Belief Versus Actual Patterns of Behavior", *Journal of Developing Areas*, j. 10. Oktober, h. 77-81.
- Swettenham, F. (1967). *A Nocturne and Other Malayan Stories and Sketches*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Syed Hussein al-Attas (1989), *Mitos Pribumi Malas, Imej Orang Jawa, Melayu dan Filipina Dalam Kapitalisme Penjajah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1972). *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1993). *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization. (ISTAC),
- Winstedt, R. O. (1961). *The Malays: A Cultural History*. London: Routledge.